**NOTIS TARIKH KEBERHAKAN (“NOTIS”)**

**NOTIS INI MENGANDUNGI TARIKH KEBERHAKAN DAN LAIN-LAIN TARIKH BERKAITAN YANG PENTING BERHUBUNG DENGAN TERBITAN HAK DAN TERBITAN BONUS (SEBAGAIMANA DITAKRIFKAN DALAM NOTIS INI) SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD (“SPK” ATAU “SYARIKAT”)**

# SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD

(No. Syarikat 4115-H)
(Diperbadankan di Malaysia di bawah Ordinan Syarikat, 1940 - 1946)

**I. TERBITAN HAK BOLEH LEPAS SEBANYAK 82,778,643 SAHAM-SAHAM BIASA BARU BERNILAI RM1.00 SESAHAM DALAM SPK (“SAHAM-SAHAM SPK”) (“SAHAM-SAHAM HAK”) BERASASKAN 1 SAHAM HAK BAGI SETIAP 1 SAHAM SPK SEDIA ADA YANG DIPEGANG OLEH PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM SPK YANG NAMA-NAMANYA TERCATAT PADA DAFTAR AHLI-AHLI (“PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM YANG BERHAK”) PADA JAM 5.00 PETANG PADA 10 JULAI 2013 (“TARIKH KEBERHAKAN”) PADA HARGA TERBITAN RM1.00 SETIAP SAHAM HAK (“TERBITAN HAK”)**

**II. TERBITAN BONUS SEBANYAK 82,778,643 SAHAM BARU SPK (“SAHAM-SAHAM BONUS”) UNTUK DIKREDITKAN SEBAGAI BERBAYAR PENUH BERASASKAN 1 SAHAM BONUS BAGI SETIAP 1 SAHAM HAK YANG DILANGGAN OLEH PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM SPK YANG BERHAK DAN/ATAU PENERIMA PELEPASAN MEREKA SELARAS DENGAN TERBITAN HAK (“TERBITAN BONUS”)**

Penasihat

AFFIN INVESTMENT BANK

**AFFIN INVESTMENT BANK BERHAD (9999-V)**
(Peserta Organisasi Bursa Malaysia Securities Berhad)

## TARIKH DAN MASA BERKAITAN YANG PENTING

**TARIKH DAN MASA BERKAITAN YANG PENTING**:

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh Keberhakan ........................................................................ | : | Hari Rabu, 10 Julai 2013 pada jam 5.00 petang. |
| Tarikh dan masa terakhir bagi penerimaan dan pembayaran .............. | : | Hari Jumaat, 16 Ogos 2013 pada jam 5.00 petang.* |
| Tarikh dan masa terakhir bagi pelepasan dan pembayaran ................. | : | Hari Jumaat, 16 Ogos 2013 pada jam 5.00 petang.* |
| Tarikh dan masa terakhir bagi permohonan lebihan dan pembayaran ... | : | Hari Jumaat, 16 Ogos 2013 pada jam 5.00 petang.* |

* *atau tarikh dan masa terkemudian sebagaimana pihak Lembaga Pengarah SPK (“**Lembaga**”) mungkin tentukan dan diumumkan oleh Syarikat melalui laman web SPK, www.spkb.net dan diiklankan dalam Utusan Malaysia dan Berita Harian tidak kurang daripada 2 hari bekerja sebelum tarikh dan masa yang ditetapkan.*

## NOTIS PERUNTUKAN BERSYARAT, BORANG LANGGANAN HAK DAN BORANG PELEPASAN DAN PENAMAAN

Notis Peruntukan Bersyarat (“**NPA**”), Borang Langganan Hak (“**RSF**”) dan Borang Pelepasan dan Penamaan (“**R&N**”) akan dihantar kepada Pemegang-pemegang Saham yang Berhak ke alamat berdaftar mereka di Malaysia sebagaimana dinyatakan dalam Daftar Ahli-ahli SPK pada 23 Julai 2013.

Penerimaan bagi Saham Hak yang diperuntukkan secara bersyarat dan permohonan bagi Saham Hak lebihan berserta Saham Bonus hendaklah dilaksanakan hanya pada RSF, yang hendaklah dilengkapkan selaras dengan nota-nota dan arahan-arahan yang terkandung di dalamnya.

Apa-apa pelepasan keberhakan bersyarat kepada Saham Hak hendaklah dilaksanakan pada borang R&N selaras dengan nota-nota dan arahan-arahan yang terkandung di dalamnya.

Penerimaan bagi Saham Hak yang diperuntukkan secara bersyarat dan/atau permohonan bagi Saham Hak lebihan bersama dengan bayaran yang perlu dibayar masing-masing atas nama “**SPK RIGHTS A/C**” dan “**SPK EXCESS RIGHTS A/C**”, dan hendaklah sampai ke pendaftar saham Syarikat, ShareWorks Sdn Bhd, di 10-1, Jalan Sri Hartamas 8, Sri Hartamas, 50480 Kuala Lumpur (Talian Pelanggan: 03-6201 1120) (Faks: 03-6201 3121) tidak lewat daripada jam 5.00 petang pada 16 Ogos 2013 atau masa dan tarikh terkemudian sebagaimana yang akan diputuskan oleh pihak Lembaga mengikut budi bicara mutlaknya dan diumumkan oleh Syarikat melalui laman web SPK, www.spkb.net dan diiklankan dalam Utusan Malaysia dan Berita Harian tidak kurang daripada 2 hari bekerja sebelum tarikh dan masa yang ditetapkan.

| PENASIHAT | PENDAFTAR SAHAM |
|---|---|
| **AFFIN INVESTMENT BANK BERHAD (9999-V)**<br>Tingkat 27, Menara Boustead<br>69, Jalan Raja Chulan<br>50200 Kuala Lumpur | **SHAREWORKS SDN BHD (229948-U)**<br>10-1, Jalan Sri Hartamas 8<br>Sri Hartamas<br>50480 Kuala Lumpur |

**Notis ini bertarikh 2 Julai 2013**